



Perangi penyayangak seni

BH- 14/11/2019 ml: 65



Cadangan penubuhan Perbadanan Muzik Malaysia bawa harapan baharu kepada karyawan

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Pengumuman Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai kesediaan kerajaan mengkaji penubuhan badan kawal selia bagi melindungi kepentingan penggiat muzik seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) meletakkan penggiat muzik tanah air.

Selepas sekian lama penubuhan Perbadanan Muzik Malaysia (Pemuzik) diusulkan, barulah kini perkara itu mendapat perhatian kerajaan. Sudah pasti pengumuman itu yang dibuat Dr Mahathir pada majlis 'townhall' bersama penggiat muzik di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, Isnin lalu, membawa harapan baharu kepada anak seni.

Pada majlis itu, cadangan penubuhan Pemuzik diserahkan kepada wakil karyawan seni, Nasir Daud kepada Dr Mahathir di hada-

pan kira-kira 200 penggiat seni tanah air.

Mengulas lanjut perkara itu, Nasir berkata, antara perkara utama yang akan digariskan dalam pelan pembangunan atau 'blue print' penubuhan Pemuzik adalah isu hak cipta, pengagihan royalti dan kebajikan penggiat muzik.

"Kami bersama penggiat seni yang terbabit akan mengadakan perbincangan mengenai beberapa langkah untuk mengukuhkan ekonomi artis.


"Ini bagi mendepani cabaran mendatang sebelum kami kemukakan rancangan terperinci kepada kerajaan.

"Dalam keadaan sekarang ini, kita sangat memerlukan badan khusus yang mempunyai kuasa eksekutif untuk menjadi asas dan rujukan apabila timbul perkara berbangkit.

"Antara pengisian Pemuzik termasuk soal hak cipta, pengagihan royalti dan kebajikan anak seni tempatan.

"Untuk memudahkan pengagihan royalti, misalnya, sebuah bank data yang komprehensif dan mampu mengawal selia lagu yang diputar-kan, bakal diperkenalkan.

Lihat muka 66



Dr Mahathir (kiri) menerima cenderahati daripada Fathia Latiff selepas Majlis Townhall Penggiat Seni Muzik di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.
(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)

Perbadanan Muzik Malaysia

- » Perdana Menteri mengumumkan kesediaan mengkaji cadangan penubuhan sebuah badan kawal selia bagi melindungi kepentingan penggiat muzik tanah air seperti fungsi FINAS.
- » Ketika membuat pengumuman itu, Dr Mahathir membangkitkan kemusykilan bagaimana seorang penyanyi dapat hidup sempurna, sedangkan tidak nampak bidang berkenaan boleh memberi pendapatan tinggi seperti nasib yang menimpa Allahyarham Tan Sri P Ramlee.
- » Dr Mahathir menyifatkan P Ramlee insan genius yang melakukan segala-galanya seperti menulis lirik, mencipta lagu dan membikin filem.
- » Pelan pembangunan atau 'blueprint' penubuhan Pemuzik membabitkan isu hak cipta, pengagihan royalti dan kebajikan penggiat muzik akan dirangka sebelum diserahkan kepada kerajaan.



Nasir menyerahkan memorandum cadangan penubuhan Perbadanan Muzik Malaysia kepada Dr Mahathir.

Grafik

m/s: 66

Bendung kemasukan artis luar

Dari muka 65

“Kemudian sistem itu akan menguruskan royalti mengikut kaedah sepatutnya,” katanya kepada HIP.

Ketika mengumumkan kesediaan kerajaan mengkaji penubuhan Pemuzik, Perdana Menteri mahu penggiat muzik menentukan sendiri fungsi serta bentuk organisasi berkenaan. Ini termasuk kepentingan melindungi mereka daripada penyangak seni yang mengambil kesempatan dalam isu bayaran hak cipta dan royalti.

Dr Mahathir juga menyarankan penggiat muzik supaya tidak hanya bergantung kepada satu punca rezeki, tetapi mempelbagaikannya termasuk perniagaan kecil-kecilan yang mungkin membolehkan mereka mendapat pendapatan lebih baik berbanding usaha seni.

Nasir berkata, kerjasama daripada badan pemungut royalti yang dilantik juga amat diperlukan untuk memudahkan badan itu melaksanakan misi mereka.

“Apabila tertubuhnya Pemuzik, semua badan pengutip royalti kena bekerjasama dengan kita. Kata sepakat perlu dicapai supaya kita dapat mewujudkan sistem kutipan yang lebih cekap, adil dan saksama.

“Tugas badan itu adalah memantau dan mengawal selia serta menjadi institusi yang melaporkan secara terus kepada Kementerian berkaitan.

“Selepas ini, badan pengutip royalti berkenaan tak boleh buat sesuka hati. Selesai buat kutipan kenalah buat agihan. Jangan simpan duit itu, kena isytihar-

kan supaya ahli tahu berapa jumlah yang berjaya dikutip dalam sesuatu tempoh. Selain itu, buatlah pembahagian mengikut cara sebenar,

“Kita akan pastikan semua kerja dilaksanakan dengan telus. Ini bermakna tiada lagi ketirisan dan tidak berlaku penyelewengan. Kami akan pantau semuanya di bawah pengawasan Kementerian yang akan ditetapkan,” katanya.

Selain isu hak cipta dan juga pengagihan royalti yang menjadi masalah utama dalam industri, Nasir yang juga pemain bass kumpulan Search memberitahu, badan berkenaan juga akan memperjuangkan soal kebajikan anak seni demi masa depan mereka.

“Setiap hasil karya mereka akan mempunyai dokumentasi supaya dapat memudahkan urusan dalam hal Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Lembaga Hasil Dalam negeri (LHDN), insurans serta urusan jual beli harta kekal seperti kereta dan rumah,”

“Artis tiada penyata gaji. Setiap kali mereka mahu membeli rumah atau kenderaan, mereka akan menggunakan nama keluarga, rakan dan sebagainya.

“Apabila ada dokumentasi, urusan pembelian rumah dan soal kebajikan akan menjadi mudah.

“Saya sangat kasihan melihat ada di antara artis yang masih belum mempunyai kediaman sendiri. Kalau ada pun, rumah yang diduduki tidak selamat.

“Kami juga akan bekerja rapat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi program Perumahan

Rakyat Harapan Malaysia untuk membantu penggiat muzik mendapatkan rumah,” katanya.

Turut berkongsi pandangan yang sama dengan Nasir ialah penyanyi yang popular dengan lagu *Lamunan Terhenti* dan *Permaidani*, Aris Ariwatan.

Beliau berkata, hasrat untuk mempercepatkan penubuhan badan itu bukanlah kerana mahu mengharap belas ihsan kerajaan daripada aspek kewangan. Sebaliknya, mereka memohon supaya hak artis dapat dipertahankan.

“Masalah cetak rompak dan isu kemasukan artis luar adalah perkara yang pernah saya dan beberapa teman perjuangkan sejak 1997.

“Alhamdulillah, selepas lebih dua dekad hingga pernah digam lalu kerjaya seni saya

terjejas, barulah ia diberi perhatian kerajaan.

“Kami bukannya mahu dana kerajaan tetapi kami menuntut hak kami sebagai artis. Bukan sahaja masalah pengagihan royalti yang tidak mengikut kaedah sebenar, malah kemasukan artis luar yang semakin berleluasa membuatkan kami terpaksa bersuara.

“Kita bukan anti pembangunan tetapi hadkan sedikit kemasukan artis luar supaya peluang untuk anak seni tempatan tidak terjejas.

“Lainlah jika ia dibuat secara dua hala atau situasi ‘menang-menang’ berbanding sekarang yang hanya berpihak kepada mereka semata-mata,” katanya.

Tambah Aris atau nama penuhnya, Harris Fadzillah Daud, jika perkara itu tidak

dibendung segera, pengaliran wang ke negara asing melalui pembayaran royalti akan bertambah.

“Kenapa kita terlalu bermurah hati untuk memberi ruang kepada orang asing dengan mudah mencari duit di negara ini.

“Dianggarkan sebanyak 70 peratus hasil kutipan royalti dibayar ke negara luar. Sedangkan lagu tempatan sendiri terkial-kial untuk mendapatkan tempat di sini.

“Kita tak mahu mereka jadikan negara kita seperti tempat menanam pokok. Apabila sudah menampakkan hasil, mereka ambil.

“Sedangkan kita hanya ambil upah tempat mereka tanam pokok sahaja. Kena ada timbal balas dan bukan sekadar menguntungkan satu pihak sahaja,” katanya.

Kenapa kita terlalu bermurah hati untuk memberi ruang kepada orang asing dengan mudah mencari duit di negara ini. Dianggarkan sebanyak 70 peratus hasil kutipan royalti dibayar ke negara luar. Sedangkan lagu tempatan sendiri terkial-kial untuk mendapatkan tempat di sini.

Aris Ariwatan,
Penyanyi

